

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
(TEMERLOH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.11.2015**

**Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana asing yang mengalir keluar dari negara ini ekoran daripada penjualan saham-saham oleh pelabur antarabangsa sejak April hingga September 2015.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh separuh pertama 2015, negara telah mencatat aliran keluar wang bersih dalam akaun kewangan sebanyak RM27.4 bilion. Jumlah ini adalah kurang berbanding aliran keluar wang sebanyak RM32.4 bilion yang dicatatkan dalam tempoh separuh kedua 2014. Daripada jumlah ini, pelaburan portfolio yang

merupakan urus niaga antarabangsa dalam sekuriti ekuiti (seperti saham) dan sekuriti hutang (seperti bon, sukuk) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM19.6 bilion atau USD5.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama 2015. Angka ini adalah lebih rendah berbanding RM31.5 bilion yang dicatat dalam tempoh yang sama tahun lalu. Ini menunjukkan keyakinan pelabur asing kekal positif dan mereka terus mempelbagaikan aset kewangan dalam negeri untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi.

2. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sebagai perbandingan aliran keluar bersih negara sebanyak USD5.4 bilion bagi tempoh enam bulan pertama 2015 ini jauh lebih rendah berbanding aliran keluar bersih pelaburan portfolio di negara Singapura (USD21.9 bilion) tetapi selari dengan Thailand sebanyak USD5.1 bilion.

3. Sungguhpun, terdapat aliran keluar dalam pelaburan portfolio, namun begitu negara terus mencatat aliran masuk pelaburan asing terutamanya berikutan asas makroekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, tabungan negara yang tinggi, rizab antarabangsa yang mencukupi dan hutang Kerajaan yang terkawal. Kerajaan sentiasa

berusaha untuk menyediakan persekitaran kompetitif serta mesra perniagaan yang seterusnya akan menaikkan sentimen pasaran dan pelabur. Salah satu inisiatif Kerajaan termasuklah menggesa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bagi mengkaji semula pelan pelaburan dan pembelian aset di luar negeri agar melabur semula pendapatan dalam negara. Di samping itu, dalam usaha melindungi pelabur daripada kesan turun naik (*volatility*) mata wang ringgit, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus memantau secara terperinci jumlah dan jenis aliran keluar sama ada oleh pemastautin dan juga bukan pemastautin.